

Centre for Research on the Economics of Ageing



NEWSLETTER – ISSUE 9

MARCH 2019

Objektif CREA adalah untuk menjalankan kajian jangka panjang tentang aspek tingkah laku penuaan di Singapura. Sokongan anda yang tidak berbelah-bahagi melalui penglibatan kaji selidik bulanan merupakan asas penting yang membolehkan kami untuk mencapai sasaran ini secara berterusan.

Salah satu sasaran utama kajian penyelidikan kami adalah untuk mengetahui tentang tahap persediaan kewangan isi rumah Singapura untuk persaraan mereka. Itulah sebabnya kami memasukkan modul khusus dalam kaji selidik bulan Januari untuk memperoleh inventori aset isi rumah. Modul ini lebih terperinci atas dua sebab. Pertama, kebanyakan orang sukar untuk menganggarkan jumlah nilai aset mereka. Dengan menyemak setiap komponen, maklumat yang tepat dapat dibina. Kedua, komposisi aset isi rumah adalah penting untuk kajian kami. Sebagai contoh, kami perlu mengetahui jika simpanan CPF tidak mencukupi, sama ada anda memiliki aset cair lain untuk membayai keperluan harian anda, atau jika isi rumah menjalankan perniagaan kecil untuk terus hidup dan sebagainya.

Objektif dan Penerangan

Untuk meluaskan pandangan kami dan melebarkan skop kajian, CREA menganjurkan Forum Akademik Jepun-Singapura tentang Penuaan pada 29 dan 30 Ogos 2018. Objektif Forum ini adalah untuk:

- Membincangkan dapatan utama bagi topik kesihatan dan buruh yang diterbitkan oleh pusat penyelidikan tertentu dari dua negara
- Membandingkan isu penuaan dan dasar antara Singapura dengan Jepun
- Membentuk kerjasama antara penyelidik CREA dengan HIAS Health¹

Forum ini disertai oleh pelbagai kumpulan akademik, penganalisis dasar, badan kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan. Pada hari pertama, penyelidik dari kedua-dua CREA dan Hitotsubashi University membuat 10 pembentangan akademik yang meliputi isu-isu kejutan kesihatan, pengangguran dan kecukupan persaraan. Semasa sesi Meja Bulat Dasar pada hari kedua, penyelidik terlibat dalam perbincangan yang lebih mendalam tentang implikasi dasar berdasarkan data yang anda berikan kepada kami.



Implikasi Yang Lebih Besar

Forum dan sesi meja bulat dasar membentuk wadah untuk kami menganalisis persamaan dan perbezaan antara Jepun dengan Singapura serta membolehkan kami untuk meneroka kemungkinan dasar baharu dan mengenal pasti kelemahan dalam dasar sedia ada.

Ketika CREA berkembang untuk menjadi sumber data yang diingini pada peringkat antarabangsa, kami tetap menghargai anda semua yang memungkinkan perkara ini berlaku. Usaha tanpa lelah anda mencorakkan dasar dan masa hadapan generasi kini dan esok.

Setiap diri kita berupaya menyumbang kepada perubahan. Marilah kita bersama-sama mencipta perubahan.


- Barbara Mikulski

¹HIAS Health: Research Center for Health Policy and Economics, Hitotsubashi Institute for Advanced Study

Sorotan Dapatan Utama


Dalam bahagian ini, kami akan kongsikan dapatan utama yang dibentangkan dalam Forum Akademik Jepun-Singapura dengan anda.

Jangkaan pekerjaan di Singapura dan Amerika



Dalam kaji selidik kami, kami bertanyakan jangkaan anda untuk bekerja pada usia 62, 65 dan 70 tahun. Dengan matlamat untuk menjalankan analisis yang lebih mendalam, kami membandingkan data yang dikumpulkan daripada anda semua dengan data yang dikumpulkan daripada orang Amerika. Lebih ramai warga Singapura menjangkakan bahawa mereka akan bekerja pada usia 65 dan 70 tahun berbanding dengan rakan warga Amerika mereka. Bahkan, keputusan ini merupakan bukti tentang kewujudan set minda kerja keras dalam kalangan warga Singapura!

Status kesihatan tanggapan



Dalam kaji selidik baru-baru ini, kami meminta anda untuk memberikan penarafan kesihatan anda, dengan pilihan sama ada cemerlang, sangat baik, baik, sederhana atau lemah. Majoriti responden kedua-dua jantina menganggap status kesihatan mereka sebagai baik. Ini secara umum membuktikan bahawa warga Singapura berpuas hati tentang status kesihatan mereka dan mengambil tindakan untuk memastikan bahawa status kesihatan dengan jangkaan diri mereka adalah selaras. Tahniah warga Singapura!

Tempat Pertemuan

Bishan Mind Stretcher

510 Bishan Street 13 #03-01 Singapore 570510

Bukit Merah Recovery Accountants

164 Bukit Merah Central #03-3655, Singapore 150164

Jurong East Regus Business Lounge

21 Jurong East Central 1 Jurong Regional Library Level 1, Singapore 609732

Tampines NTUC Income Building

300 Tampines Avenue 5 Level 9 Tampines Junction, Singapore 529653

Sembawang Just Edu Learning Centre

30 Sembawang Drive #04-04 Sun Plaza, Singapore 757713

Tarikh Kaji Selidik

● **Kaji Selidik Bulan April: 1–21 April 2019**

● **Kaji Selidik Bulan Mei: 1–26 Mei 2019**

● **Kaji Selidik Bulan Jun: 1–23 Jun 2019**

Kerahsiaan dan Privasi Anda

Kami menganggap maklumat yang telah anda kemukakan kepada kami dengan kepercayaan paling teguh dan pematuhan sepenuhnya terhadap Akta Perlindungan Data Peribadi 2012 (PDPA), bawah undang-undang Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi Singapura. Pemindahan data antara pelayan kami dengan pelayar web dikendalikan dengan menggunakan protokol keselamatan tinggi dan sijil SSL dipasangkan dalam domain kami. Data peribadi dan respons kaji selidik disimpan dalam pelayan berasingan supaya data yang anda kemukakan tidak boleh dikesan kembali kepada anda. Penyelidikan dijalankan dengan data yang dinyahkenal pasti dan tidak pernah berdasarkan pemerhatian tunggal. Data yang dinyahkenal pasti digunakan oleh penyelidik yang dibenarkan oleh SMU. Keputusan yang dikumpulkan akan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan dan dilaporkan sebagai statistik. Butiran diri anda tidak akan dikemukakan kepada organisasi lain untuk tujuan komersial.

Hubungi Kami

Jika alamat atau nombor telefon anda telah bertukar, jika anda perlukan apa-apa bentuk bantuan untuk melengkapkan tinjauan atau jika anda mempunyai apa-apa soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama **6808 7910** (9 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat) atau melalui e-mel kepada slp@smu.edu.sg. Kami mengalu-alukan pandangan dan maklum balas anda.